



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)

Agensi Kementerian Pembangunan Luar Bandar

KENYATAAN TENDER (KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan Perkhidmatan berikut:

CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MELATIH DAN MENTAULIAH PERALATAN BAGI PROGRAM DIPLOMA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN INTERNET OF THINGS (IOT) DAN PENDIGITALAN PdP TVET MARA DI KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA (KKTm) PETALING JAYA, SELANGOR

NO. TENDER	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT TENDER	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
13/2021	130101 atau 130102	28/05/2021 Hingga 14/06/2021 ISNIN-JUMAAT 9.00 pagi – 3.00 petang	BERIKUTAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) PETENDER DIKEHENDAKI MEMUAT TURUN FLIPBOOK SOALAN LAZIM (FAQ) DAN SLAID TAKLIMAT TENDER 13/2021	RM75.60	07/07/2021 (Sebelum 12.00 tengah hari)

2. Tawaran ini dilaksanakan melalui atas talian (online). Oleh itu pembekal **DIWAJIBKAN** membuat pendaftaran syarikat melalui laman web www.sennego.com sebelum menyertai tawaran ini. Sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran ini, sila hubungi pusat khidmat pelanggan SENNEGO di talian 03-78854111 atau emel kepada speedhelpdesk@commercecd.com.my

3. Bagi membolehkan pembekal mengakses sistem dan memuat turun dokumen selepas mendaftar syarikat dengan SENNEGO, pembekal perlu membuat pembelian nombor pin di mana-mana Pejabat MARA Negeri di seluruh Malaysia dan membawa sijil-sijil berikut yang masih sah tempoh untuk semakan:

- i) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
- ii) **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **MARA** dan **MARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.

4. Nombor Pin boleh diperolehi dengan mengemukakan bukti bayaran. Bayaran boleh dibuat secara Draf bank/ Kiriman Wang/Wang Pos atas nama **MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)** dengan nilai seperti yang tercatat di atas dan tidak akan dikembalikan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.
5. Pembekal dikehendaki memuat turun semua dokumen tender melalui laman web www.sennego.com mulai **28/05/2021** hingga **14/06/2021**.
6. Pembekal dikehendaki mengemukakan dokumen tender secara manual dan melalui atas talian (online) sebelum atau pada tarikh tutup tender.

7. **Prosedur LAWATAN TAPAK/TAKLIMAT TENDER** sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan dilaksanakan melalui kaedah berikut:

1. **SOALAN LAZIM (FAQ)**
 2. **SLAID TAKLIMAT TENDER**
- SOALAN LAZIM (FAQ) dan SLAID TAKLIMAT TENDER boleh dimuat turun dalam sistem SPE.**

8. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran Perkhidmatan di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.**
9. **MARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **MARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
10. Yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada pembekal yang berjaya adalah sebanyak 0.7% bagi setiap transaksi yang disempurnakan daripada nilai setiap invoice.
11. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Tender** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah:

**PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & PEROLEHAN
TINGKAT 2 (KAUNTER TENDER) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR.**

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari

12. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>

13. Pembelian nombor Pin dan penghantaran Dokumen Tender perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara.